

Teliti pelan martabatkan bahasa

KPT pantau perkembangan penggunaan bahasa Kebangsaan di universiti

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) disarankan melakukan penilaian secara berjadual bagi meneliti perkembangan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-

2030 yang bermatlamat memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan di peringkat universiti awam di negara ini.

Pada masa sama, kementerian itu turut digesa supaya melakukan pemantauan mengenai tahap kepatuhan universiti pengajian tinggi swasta (IPTS) yang diwajibkan mengajar tiga subjek dalam bahasa Melayu.

Ahli Dewan Negara, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Awang Sa'riyan, berkata tanpa pelaporan terperinci mengenai pelan tindakan itu, sukar untuk mengetahui pasti tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu, khususnya di universiti awam di negara ini, termasuk melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

“KPT perlu laksanakan pe-

nilaian berjadual, sama ada dalam bentuk tahunan atau penilaian separuh penggal bagi Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023-2030 untuk mengenal pasti bagaimana pelan ini dijalankan di IPTA dan PTS.

“Sebagai contoh, dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 meletakkan tiga subjek yang wajib diajarkan dalam bahasa Melayu iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Agama Islam atau Pendidikan Moral dan ketiga, Kenegaraan Malaysia.

“Bagaimanapun, dalam satu persidangan yang pernah saya hadiri dahulu, turut dihadiri pengarah 600 PTS, ada di antara mereka mengatakan tiada masa untuk mengajar tiga subjek ini.

“Sedangkan ia termaktub dalam akta....kerana itu KPT mesti buat pemantauan (secara berterusan),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Umum Rashdan Baba bertajuk Memartabatkan Bahasa Melayu Tinggi dalam Agenda Kepimpinan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia.

Teliti keberkesanan

Beliau yang juga Profesor Pelawat di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM turut menegaskan, keperluan untuk menilai keberkesanan pelan tindakan itu penting memandangkan terdapat pelbagai kelompongan sama ada dalam urusan rasmi membabitkan pentadbiran universiti atau penggunaan bahasa Melayu

dalam pengajian.

“Semasa saya di Dewan Bahasa dan Pustaka dulu (DBP) dahulu, sempat kami buat program Audit Bahasa di enam IPT.

“Daripada situ didapati ada kelompongan yang perlu disedari pimpinan universiti dan KPT sendiri bagi memasyarakatkan penggunaan bahasa kebangsaan, dan memastikan kadar peratusannya adalah jauh lebih tinggi.

“Saya tak nafikan ada keperluan untuk pengajian (subjek atau bidang tertentu) dalam bahasa asing, apakah lagi dalam bidang teknikal. Namun, kita perlu usahakan supaya peratusannya meningkat, jika penggunaan bahasa Melayu di IPT capai tahap 70 peratus pun sudah cukup baik,” katanya.